



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

MULAI 1 JANUARI 2019 SKIM PERLINDUNGAN NASIONAL B40 BERNILAI RM2 BILION DITAWARKAN SECARA PERCUMA KEPADA GOLONGAN B40 DENGAN BAYARAN MAKSIMUM SEBANYAK RM8,000 UNTUK PENYAKIT KRITIKAL DAN RM50 SEHARI UNTUK MAKSIMUM 14 HARI ATAU RM700 SETAHUN

Seperti yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2019, Kerajaan Persekutuan akan memperkenalkan sebuah Skim Perlindungan Nasional B40 pada 1 Januari 2019 dengan dana permulaan sebanyak RM2 Bilion. Skim ini akan menawarkan perlindungan insuran dan takaful kesihatan secara percuma kepada golongan berpendapatan rendah atau B40 yang berkelayakan sebagai bantuan menghadapi cabaran yang timbul daripada masalah menghidap penyakit kritikal, dan menjalani rawatan hospital yang boleh menjejaskan aliran pendapatan isi rumah mereka.

Skim ini akan menyediakan perlindungan kesihatan secara percuma kepada penerima yang layak untuk 36 jenis penyakit kritikal. Penerima akan mendapat bayaran sehingga had RM8,000 yang diagihkan dalam tempoh masa yang akan diumumkan. Skim ini juga memberi bayaran harian sebagai pendapatan gantian semasa rawatan hospital untuk tempoh maksimum 14 hari setiap tahun pada kadar RM50 sehari atau bersamaan dengan RM700 setahun. Dengan saiz dana sebanyak RM2 Bilion sebagai permulaan, Skim ini dijangka akan menawarkan perlindungan perubatan selama 5 tahun untuk kumpulan sasaran. Kerajaan menjangka sebanyak 4.1 Juta isi rumah B40 yang terdiri daripada individu-individu berumur di antara 18 hingga 55 tahun akan mendapat manfaat di bawah Skim ini.

Perlindungan di bawah Skim ini akan bermula pada 1 Januari 2019 manakala pendaftaran dan perkhidmatan sokongan pelanggan akan beroperasi mulai 1 Mac 2019. Pendaftaran boleh dilakukan secara elektronik melalui internet tanpa penggunaan borang kertas dan tiada pemeriksaan perubatan diperlukan untuk pengesahan kelayakan. Semua penerima yang layak di bawah Skim ini akan dimaklumkan melalui sistem pesanan ringkas (SMS). Maklumat

lanjut tentang mekanisme dan pelaksanaan Skim ini akan dihuraikan apabila ia dilancarkan secara rasmi pada awal tahun 2019.

Skim ini salah satu langkah penting yang diambil oleh Kerajaan untuk menubuhkan jaringan keselamatan sosial dalam aspek perlindungan insuran dan takaful kesihatan yang merangkum untuk golongan berpendapatan rendah secara **PERCUMA**. Skim ini, yang dijalankan buat kali pertama dalam sejarah Malaysia, berpandukan janji Manifesto Pilihanraya Pakatan Harapan untuk memperluas akses kepada perkhidmatan kesihatan yang diperlukan, mengurangkan beban kos sara hidup dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

28 Disember 2018

LAMPIRAN

**Senarai 36 Penyakit Kritikal yang Dilindungi di bawah
Skim Perlindungan Nasional B40**

Bil.	Penyakit
1.	Penyakit Alzheimer / Gangguan Kemerosotan Otak Organik Tidak Boleh Pulih
2.	Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari Utama
3.	Meningitis Bakteria
4.	Tumor Otak Benigna
5.	Buta/Hilang Penglihatan Sepenuhnya
6.	Pembedahan Otak
7.	Kanser
8.	Kardiomiopati Teruk
9.	Anemia Aplasia Kronik
10.	Koma
11.	Pembedahan Pintasan bagi Penyakit Arteri Koronari
12.	Kepekakan / Hilang Pendengaran Menyeluruh dan Tidak Boleh Pulih
13.	Ensefalitis/encephalitis
14.	Kegagalan Hati Tahap Akhir
15.	Penyakit Paru-Paru
16.	AIDS Peringkat Teruk
17.	Hepatitis Virus Fulminan
18.	Serangan Jantung
19.	Pembedahan Injap Jantung
20.	HIV Akibat Transfusi Darah
21.	Kegagalan Buah Pinggang – Dialisis atau pemindahan buah pinggang
22.	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
23.	Hilang Pertuturan
24.	Trauma Kepala Utama
25.	Pemindahan Organ Utama/ Sum
26.	Penyakit Neuron Motor
27.	Sklerosis Berbilang
28.	Distrofi Otot
29.	Kelumpuhan / Paraplegia
30.	Penyakit Parkinson
31.	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
32.	Penyakit Arteri Koronari Lain Yang Serious
33.	Strok
34.	Pembedahan Aorta
35.	Lupus Eritematosus Sistemik dengan Lupus Nefritis (SLE)
36.	Pelecuran Tahap Ketiga